

11/06/2000

Fitnah musnahkan tunas kepemimpinan bestari

Tajudin Saman

TABIAT suka buat fitnah sebenarnya bukan sifat Melayu saja. Ia sifat universal. Bangsa apapun di dunia ada tabiat buruk ini tetapi tabiat ini wujud dalam masyarakat Melayu sejak zaman berzaman dan ia berakar umbi hingga sekarang.

Kenapa orang suka memfitnah? Tabiat ini sebenarnya satu pelarian (escapism) untuk menyembunyikan kelemahan diri sendiri. Apabila kita tidak mampu membuat sesuatu sehebat orang tertentu, kita fitnah dia dengan tujuan untuk memusnahkannya.

Apabila musuh kita musnah, kita berasa lega. Seterusnya kita berharap dapat menggantikan tempatnya walaupun kita tahu prestasi kita nanti tidak sehebat atau setanding orang yang kita musnahkan melalui fitnah tadi.

Tabiat ini sukar dikikis sekalipun Islam memperkenalkan didikan akhlak yang bercanggah dengan keburukan tabiat berkenaan.

Sejarah Melayu kaya dengan tabiat yang merugikan ini antaranya termasuk kisah anak bestari dihumban ke laut, pahlawan handal terbuang, pemimpin berwibawa dibunuh - semuanya kerana fitnah belaka.

Yang malang, fitnah itu dibuat oleh orang kita yang sebangsa dan seagama. Sedar atau tidak, perbuatan itu bermakna kita memusnah bakat dan tunas dalam diri bangsa sendiri.

Sedar atau tidak, dosa 'membunuh' bakat serta tunas bangsa melalui fitnah itu mungkin lebih besar daripada perbuatan membunuh zuriat fizikal manusia itu sendiri.

Pembunuhan melalui fitnah sebenarnya bukan semata-mata tertumpu kepada diri jasmani seseorang tetapi lebih penting, ia memusnahkan tunas, bakat dan pemikiran orang berkenaan.

Kalau si anak bestari yang mengesyorkan sesuatu pelan tindakan logik dan mampu membawa kemenangan kepada bangsa kita dalam sesuatu peperangan misalnya, kita bunuh melalui fitnah maka ia adalah dosa yang tiada tolok bandingnya di bumi yang pernah dilakukan oleh hamba Allah terhadap insan lain (apa lagi jika mangsa itu daripada generasi muda yang berpotensi besar untuk membangunkan bangsanya pada masa depan).

Ertinya, pembunuhan melalui fitnah seperti yang berlaku kepada Hang Nadim di Singapura dulu bukan semata-mata pembunuhan tubuh seseorang manusia muda Melayu tetapi ia adalah satu pembunuhan tunas, bakat serta potensi pemikiran masa depan bangsa Melayu itu sendiri.

Secara andaiannya, kita boleh mengatakan jika Hang Nadim tidak dibunuh melalui fitnah, anak muda Melayu itu mungkin mampu menyediakan satu lagi pelan tindakan yang lebih besar dan pintar untuk menghalang Stamford Raffles daripada membeli Singapura daripada Sultan Melayu!

Dengan itu, perjalanan sejarah Pulau Temasik itu mungkin terpaksa ditulis dalam bentuk yang lain daripada apa yang ada sekarang.

Tetapi demikianlah sebuah pengajaran daripada tabiat orang yang sebangsa dan seagama dengan kita pada suatu zaman dulu yang tidak dapat mengawal diri daripada melakukan perbuatan terkutuk itu hingga memusnahkan harapan seluruh bangsa Melayu untuk bangun di tanah air sendiri, sebaliknya perbuatan itu membuka ruang seluas-luasnya kepada penjajah untuk memiliki buat selama-lamanya sebuah pulau yang satu masa dulu adalah milik kita yang mutlak.

Itulah juga harga yang mesti dibayar kepada sebuah fitnah yang memusnahkan minda seorang pemikir muda bangsa kita. Orang tua-tua kita pernah berkata: "Ada harta, tak tahu jaga, hidup menderita..." dan apabila

kita dikurniakan Allah seorang pemikir muda seperti Hang Nadim yang difikirkan mampu menguruskan harta bangsanya pada masa depan, orang yang sebangsa dan seagama dengannya berpakat memusnahkannya.

Sesudah Hang Nadim tiada, yang tinggal menjadi milik bangsa kita hanya serdak otak, termasuk otak kalangan yang memfitnah Hang Nadim yang tidak mampu melawan rempuhan putar belit penjajah. Akhirnya, orang yang bertanggungjawab hidup pada fitnah pesona itu pun turut tewas dan musnah bersama seluruh bangsa di tangan penjajah.

Kalau tabiat suka memfitnah ini dilanjutkan, apakah kita masih boleh bermegah dengan pesanan pahlawan terbilang kita: "Takkan Melayu hilang di dunia?"

Rasanya pesanan Hang Tuah dimaksudkan kepada semangat perjuangan bangsa untuk menentang penjajah. Seluruh bangsa sanggup menentang penjajah dan mencapai kemerdekaan, kemudian mendirikan tamadun bangsa agar berdiri sama tinggi, duduk sama rendah di tengah-tengah kemajuan bangsa lain di dunia.

Tetapi apa yang tersirat di sebalik kata-kata Hang Tuah itu mungkin terkandung maksud: "Melayu akan hilang di dunia" kalau tabiat fitnah memfitnah terus menerus menjadi mainan hidup kita.

Ini kerana permainan itu sangat bahaya dan menjadi penyebab utama ke arah kelemahan benteng pertahanan bangsa daripada serangan orang asing, khususnya penjajah.

Inilah maksud kata-kata Hang Tuah: "Takkan Melayu hilang di dunia". Benar kita tidak akan hilang di dunia selagi kita bersatu dan memaut tangan bersama untuk menentang musuh asing.

Bangsa kita sudah membuktikan pautan tangan bersama menentang musuh sudah berjaya meranapkan Malayan Union yang cuba ditegakkan di tanah air kita.

Kemudian pautan tangan bersama seluruh bangsa juga berjaya mengusir penjajah dan mencapai kemerdekaan tetapi apabila tangan kita tidak berpaut bersama lagi dan apabila tabiat buruk zaman berzaman yang masih berlumut dalam diri bangsa kita - fitnah memfitnah - bermaharajalela semula maka alamatnya amat buruk sekali kepada kita.

Jika tabiat buruk itu bermaharajalela kembali di kalangan generasi muda kita maka maksud yang tersirat dalam pesanan Hang Tuah 'Melayu akan hilang di dunia' mungkin berlaku.

Sepatutnya kalau ada daripada anak bangsa kita yang menampakkan potensi sebagai pemimpin besar apa salah kita sokong dia; beri galakan agar dia terus melonjak maju di pentas dunia.

Kalau dia tersilap dan tersasul apa salahnya kita tegur dia secara ikhlas dan jujur tetapi pokoknya kita berhasad dengki, fitnah memfitnah untuk jatuh menjatuhkan sesama bangsa dan seagama.

Apa lagi Islam mendidik kita dengan ajaran akhlak murni agar mengikis tabiat buruk itu tetapi segala pengajaran murni itu masih belum mengikis tabiat buruk itu daripada kita.

Menjadi satu keanehan pula di tengah-tengah pembangunan dunia ilmu yang serba canggih masa kini, kita semakin galak memfitnah sesama bangsa dan agama.

Baru-baru ini selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berucap pada Perhimpunan Agung umno ke-54, fitnah terus disebar dengan meluas kononnya Presiden Umno itu menghina Nabi Muhammad.

Anehnya fitnah itu dibuat selepas beliau berucap di depan lebih 1,000 perwakilan Umno yang menjadi saksi hidup betapa Dr Mahathir tidak sekali-kali berbuat seperti yang difitnahkan itu.

Inilah tabiat sesetengah orang kita yang terlalu malang. Dalam keadaan dan suasana yang terang benderang begitupun, mereka sanggup melemparkan fitnah terhadap orang lain yang sebangsa dan seagama, semata-mata kerana ingin mencapai sesuatu hajat sementara bagi keputusan jangka pendek.